

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan serta melihat semula kedudukan pensyarah IPG yang akan ditutup. Apakah perancangan Kementerian terhadap perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada penutupan Institut Pendidikan Guru (IPG) dibuat oleh Kementerian selaras dengan Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 10 September 2019 yang bertajuk '21 IPG Tutup Tahun Hadapan Tak Benar'.

Pada masa kini Kementerian sedang melaksanakan penyusunan semula pensyarah berdasarkan bidang kepakaran dan keperluan di setiap kampus. Pergerakan pensyarah sedia ada adalah bagi membolehkan Pengajaran dan Pembelajaran di kampus IPG yang menawarkan kursus berkaitan boleh dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, penyusunan ini juga adalah selari dengan amanah tugas pensyarah agar pensyarah boleh memberikan perkhidmatan yang lebih optima.

Sekian, terima kasih.